

Lonjakan pendidik profesional: Paradoks dalam peningkatan kompetensi sosial guru

MINDA PENDIDIK

Oleh DR. ABDUL SAID AMBOTANG & NURSIA DAMING

UB 3.1.2018 BH
PADA dasarnya, sistem pendidikan ingin melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sebagai pendidik profesional, guru dituntut memiliki kompetensi sosial dalam melaksanakan tugas harian di sekolah. Sekiranya guru tidak mematuhi etika profesion yang terdapat dalam garis panduan selaku seorang pendidik, ia akan menjejaskan imej profesionalisme keguruan dan tahap kompetensi sosialnya juga makin berkurang. Setiap tindakan guru adalah penting kerana guru mencerminkan personaliti yang dikatakan sebagai contoh ikutan (role model) kepada muridnya bahkan juga menjadi perhatian utama masyarakat sebagai *public figure*.

Bertugas sebagai guru menyandang dua status sekali gus yakni pendidik dan profesional. Namun begitu, kedua-dua status ini tidak hanya dilihat melalui kompetensi pedagogi, keperibadian dan profesional sahaja tetapi juga kompetensi sosial yang menjadi cita-cita ideal masyarakat terhadap golongan pendidik. Walaupun banyak latihan peningkatan profesionalisme guru dalam bidang pendidikan, tetapi prosesnya kurang bermakna tanpa amalan refleksi sendiri untuk sentiasa memperbaiki kompetensi diri seorang pendidik profesional. Oleh itu, isu yang timbul harus menemukan pelbagai solusi terhadap persoalan isu pendidikan. Persoalan yang melibatkan guru sebagai pendidik profesional amat pelik, penuh paradoks, namun sangat menghairahkan untuk diteroka

memandangkan guru adalah nukleus reaktor transformatif modal insan dalam sebuah institusi pendidikan.

Kajian oleh penyelidik yang lepas, mendapati bahawa ramai guru pada masa ini terlibat dalam isu-isu yang berkaitan dengan tekanan kerja, kemurungan, tahap kerja dan motivasi yang rendah serta kebimbangan kerja yang tinggi. Fenomena itu boleh menyumbang kepada ketidakstabilan emosi guru berkenaan. Majoriti guru mendapati bahawa ibu bapa yang berpendidikan rendah tidak mempunyai kesedaran akan kepentingan pendidikan kepada anak-anak manakala ibu bapa yang berpendidikan tinggi sukar untuk membimbing kecerdasan emosi dan sosial anak mereka dalam membentuk modal insan yang cemerlang.

Meskipun pelbagai cara, teknik, kaedah dan pendekatan telah dilaksanakan oleh guru rentetan daripada arahan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan mutu dan kesejahteraan guru di negara ini, namun hasilnya belum juga memenuhi harapan banyak pihak secara memuaskan. Dalam media sosial, masyarakat sering dihujani dengan isu-isu yang dikaitkan dengan guru. Terdapat juga isu guru didakwa ekoran daripada perilaku yang tidak sewajarnya kepada murid yang bermasalah terutamanya dari aspek disiplin. Dikatakan bahawa guru bertindak tidak mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan dalam melaksanakan tugas.

Isu yang paling hangat diperdebatkan sejak kebelakangan ini seperti dalam Laporan Berita Harian bertarikh 19 Disember 2017 yang lalu, adalah tentang isu kes Cikgu Azizan yang dibebaskan oleh Mahkamah Majistret Seksyen 323 Kanun Keseksaan

memperuntukkan hukuman penjara maksimum setahun atau denda maksimum RM2,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan atas pertuduhan mencederakan muridnya.

Mengikut pertuduhan, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Sekolah Kebangsaan Taman Semarak, Nilai, didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan pada pipi kiri seorang murid lelaki berusia 11 tahun setelah ditampar di hadapan tapak perhimpunan sekolahnya pada 6 April 2017 lalu. Senario ini sungguh sadis walhal murid berkenaan didenda oleh gurunya atas kesalahan menghidu gam dalam kawasan sekolah dan turut mempengaruhi tiga orang murid yang lain supaya turut serta sejak tahun 2016. Di samping itu, murid terbabit turut membuli dan memukul murid lain serta ponteng dengan memanjat pagar sekolah.

Pertuduhan yang sama turut menimpa seorang guru agama iaitu Muhammad Adib Abd Halim, 23 tahun selaku Orang Kena Saman (OKS) atas dakwaan dengan sengaja menyebabkan kecederaan ke atas murid berusia 11 tahun dengan cara memukul menggunakan rotan di kaki kiri dan kanan mangsa pada Ogos 2017 yang lalu. Laporan myMetro bertarikh 26 Disember 2017 melaporkan Mahkamah Majistret Kajang menetapkan tarikh perbicaraan dua hari pada 6 dan 7 Februari 2018. Kes guru ini tular di laman sosial berikutan tindakannya dikatakan merotan murid terbabit kerana enggan bersolat. Secara tidak langsung, banyak pihak yang baru membuka mata dan menghulurkan sokongan serta bantuan dalam kes seumpama ini.

Kualiti kompetensi ini dipengaruhi oleh keadaan dan situasi masyarakat luas, persekitaran dan pergaulan hidup termasuk pengalaman

sepanjang menjalankan tugas. Dengan demikian guru tidak hanya dituntut untuk menguasai bidang ilmu, bahan mengajar, kemahiran pedagogi, keupayaan memotivasi murid tetapi juga memiliki keterampilan yang tinggi dan wawasan yang luas terhadap arena pendidikan. Selain itu, guru harus memiliki pemahaman yang mendalam tentang hakikat manusia dan masyarakat. Sebagai individu yang berkecimpung dalam pendidikan dan juga sebagai anggota masyarakat, guru harus memiliki keperibadian yang mencerminkan akhlak terpuji seorang pendidik.

Dalam hal ini, komponen kompetensi sosial iaitu kesedaran sosial (empati) dan kemahiran sosial amat penting bagi seseorang guru untuk menjadi pendidik yang profesional. Kesedaran sosial dikatakan sebagai kebolehan seseorang untuk merasa, memahami dan bertindak ke atas emosi orang lain semasa menghadapi jaringan perhubungan sosial. Lebih tinggi keupayaan menyelami emosi sendiri maka lebih mudah guru menjelajah dan memasuki emosi orang lain atau berempati. Memahami emosi orang lain perlukan kemahiran yang khusus. Manusia sering tidak memperlihatkan emosi secara langsung sebaliknya mereka memperlihatkan melalui tindakan bukan lisan seperti nada suara, gerak tangan, ekspresi muka, gerak badan dan sebagainya.

Sesungguhnya, emosi menggunakan wahana bukan verbal untuk disampaikan, maka kemahiran untuk membaca makna daripada unsur-unsur bukan verbal adalah sangat penting bagi guru untuk memahami emosi orang lain. Kemahiran sosial adalah kebolehan guru untuk mempengaruhi, menginspirasi dan mengembangkan potensi orang lain dalam pengurusan

sesuatu konflik. Keupayaan dalam pengendalian perhubungan emosi orang lain dapat dilakukan apabila guru memiliki keupayaan berempati. Dua keupayaan ini membentuk kuasa interpersonal untuk membolehkan guru mencorak pertemuan yang berlaku menjadi lebih positif, memberi ilham kepada orang lain, menghasilkan perhubungan yang akrab, mempengaruhi orang lain dan membantu orang lain mendapat kegembiraan.

Cara mengembangkan kecerdasan sosial di persekitaran sekolah adalah melalui perbincangan, penyelesaian masalah bersama, memainkan peranan dan saling menyokong antara satu sama lain. Sekiranya langkah-langkah murni tersebut dilaksanakan secara efektif maka akan dapat mengembangkan kecerdasan sosial bagi seluruh warga sekolah sehingga mereka menjadi warga yang peduli terhadap keadaan sosial masyarakat. Mereka juga turut serta dalam membantu mengemblem tenaga menyelesaikan permasalahan sosial yang dihadapi oleh masyarakat.

Justeru itu, kemahiran sosial amat diperlukan oleh guru untuk berunding dengan ibu bapa bagi mencari jalan penyelesaian masalah bersama dengan adanya tahap kompetensi sosial yang baik. Guru juga seharusnya menyelesaikan konflik yang berlaku dalam kalangan murid melalui penerapan aspek kerohanian supaya murid mematuhi peraturan agama atau moral yang dipercayainya dengan menjauhi perkara-perkara yang tidak baik. Hal ini disebabkan penghayatan agama adalah asas yang kuat untuk membentuk jati diri seseorang murid menjadi sosok insan yang lebih baik.

Di samping itu, guru perlu memiliki regulasi sendiri untuk mengawal sesuatu keadaan

agar tidak menggugat emosi dengan bertindak melampaui batas dan berfikiran matang dalam membuat keputusan secara bijaksana. Apabila guru memiliki kompetensi sosial, maka hal ini akan diteladani oleh para murid. Selain daripada kecerdasan intelektual, emosional dan spiritual, murid perlu diperkenalkan dengan kecerdasan sosial agar mereka memiliki hati nurani, rasa peduli, empati dan simpati kepada orang lain. Peribadi yang memiliki kecerdasan sosial dikukuhkan dengan adanya hubungan yang kuat dengan Tuhan, memberi manfaat kepada orang lain dan menghasilkan tingkah laku yang positif serta membangun potensi dalam dirinya.

Secara tuntas, sumber kecerdasan adalah intelektual yang mengolah pola pemikiran dan pengetahuan antara hati dan akal manusia. Dari akal muncul kecerdasan intelektual dan kecerdasan ini bertindak memandu untuk berkomunikasi dan bertingkah laku. Sedangkan dari hati muncul kecerdasan spiritual, emosi dan sosial. Kecerdasan sosial membentuk manusia yang memiliki rasa kebersamaan yang kuat dalam suatu kelompok masyarakat. Apabila ada salah satu warganya merasa kesusahan ia menjadi kesusahan bersama. Sebaliknya apabila ada kebahagiaan dirasakan pada salah satu warganya, maka ia merupakan kebahagiaan seluruh masyarakat. Begitulah harapan yang didambakan oleh masyarakat dalam dunia pendidikan agar impian yang ingin dicapai dapat direalisasikan secara bersama.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah